

PROF Abdul Rani
menunjukkan Lepto Scan2
hasil inovasi Fakulti
Perubatan Veterinar UPM.



Kesan jangkitan kencing tikus

■ UPM hasil inovasi pengesanan 13 bakteria

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@mediapi-
ma.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus tampil dengan inovasi baru apabila memperkenalkan alat pengesanan jangkitan kencing tikus yang lebih efektif dikenali sebagai Lepto Scan2.

Ketua penyeldiknya, Profesor Datuk Abdul Rani Bahaman berkata alat tersebut mampu mengesan jangkitan penyakit tersebut lebih awal iaitu satu hingga tujuh hari pertama jangkitan berlaku.

"Ia merupakan inovasi dari alat pengesanan pertama iaitu Lepto Scan. Bezanya Lepto Scan mengesan antibodi untuk melawan

jangkitan manakala Lepto Scan2 pula direka khusus untuk mengesan bakteria kencing tikus.

"Berdasarkan kajian yang dilakukan, Lepto Scan2 ini mampu mengesan 13 jenis bakteria berkaitan kencing tikus," katanya dalam sidang media, di sini semalam.

Tambah Abdul Rani lagi, kajian yang bermula

2007 dan siap tiga tahun kemudian

itu mampu mengatasi kesan jangkitan kencing tikus ke atas manusia terutamanya membabitkan kematian.

"Bakteria pada seseorang itu mampu dikesan pada minggu pertama jangkitan kencing tikus. Ini kerana ketika itu, bilangan bakteria banyak terdapat pada tubuh seseorang berbanding

selepas tempoh seminggu.

"Jika ia melebihi tempoh seminggu bermakna peluang untuk merawat dan memulihkan jangkitan berkenaan lebih sukar dilakukan termasuk boleh menyebabkan kematian.

"Justeru, sekiranya kita dapat mengesan bakteria tersebut pada badan pesakit, ia akan memudahkan rawatan awal dilakukan, sekali gus peluang untuk pulih lebih cerah," katanya.

Produk yang dihasilkan menerusi Fakulti Perubatan Veterinar UPM yang berbentuk seperti kit ujian kehamilan itu dilihat cukup mudah untuk dipraktikkan oleh sesiapa dan di mana saja.

"Orang ramai hanya perlu meletakkan sampel darah pesakit di hujung kit tersebut dan kurang 15 minit, kita boleh mengetahui keputusannya," katanya.

FAKTA

Lepto Scan2 mampu
kesan jangkitan
pada hari pertama